

TEKS UCAPAN DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
AUDITORIUM B1, JPM, PUTRAJAYA
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENGUPAYAAN WANITA MELALUI
MIKROKREDIT
18 OKTOBER 2001

Terlebih dahulu ingin saya panjatkan doa dan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana di atas limpah kurniaNya jualah maka saya dapat bersama para hadirin sekalian di majlis yang berbahagia ini. Majlis ini sungguh memberi erti kepada kita semua dimana ia adalah satu pengiktirafan kepada wanita miskin di negara ini. Kita bersama-sama berkumpul pada hari ini untuk memberi penghargaan kepada mereka yang berjaya membuktikan bahawa mereka juga mempunyai kudrat untuk berjuang mengharungi kehidupan ini, dengan restu dari Allah S.W.T.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Amanah Ikhtiar Malaysia atau ringkasnya AIM yang berjaya membuktikan bahawa wanita di negara kita adalah terdiri dari mereka yang bersemangat gigih dan beranimenempuh apa jua dugaan yang mendatang. AIM memberi peluang kepada wanita khususnya wanita miskin untuk menunjukkan potensi diri yang sebenar di kalangan mereka, melalui pendekatan mikrokredit.

3. Mikrokredit adalah satu gelombang baru dalam agenda pembangunan masyarakat dan telah tersebar meluas di seluruh dunia. Ia telah merentasi hampir seluruh Benua Asia, Benua Afrika, Latin Amerika. Bukan sahaja di Negara sedang membangun, tetapi mikrokredit juga sedang menular ke Amerika Utara dan juga di Eropah. Sebanyak 1,065 pertubuhan mikrokredit yang berdaftar di seluruh dunia, dengan keahliannya menghampiri 24 juta. Di Asia sahaja, ia telah dilaksanakan dari Filipina ke Indonesia dan dari India ke Vietnam dan China.

4. Di negara ini sahaja, walaupun kadar kemiskinannya tidak sampai pun 7%, namun perkembangan mikrokredit amatlah memberangsangkan. Sepertimana yang telah kita ketahui, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telahpun mempunyai peserta yang lebih dikenali dengan panggilan "sahabat" melebihi 75,000 orang.

5. Perkembangan yang pesat ini menunjukkan mikrokredit merupakan satu agen yang cekap dalam pembangunan ekonomi masyarakat dan seharusnya kepentingannya diterima oleh masyarakat, terutamanya agensi yang terlibat dengan program pembasmian kemiskinan.

6. Kemiskinan melanda di mana jua tanpa mengira bangsa, agama, kaum, mahupun lelaki atau perempuan. Menurut laporan dari World Bank, seramai "1.2 bilion orang di seluruh dunia ini hidup dengan pendapatan kurang daripada USD 1 (RM 3.80) sehari". Ditambah dengan isu gender yang menidakkan kemampuan dan peranan wanita, maka ia lebih teruk dialami oleh mereka dan ini ternyata ditemui dalam Laporan Program Pembangunan Manusia, UNDP, "hampir 340 juta wanita di seluruh

dunia dijangkakan mempunyai jangka hayat sehingga 40 tahun sahaja".

7. Mikrokredit dan wanita adalah sinonim, bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia. Mikrokredit telah menunjukkan kejayaan yang lebih bermakna di kalangan wanita, dan melalui mikrokredit, wanita diberi pengiktirafan dan peluang untuk melibatkan diri dalam bidang ekonomi dengan lebih aktif lagi.

8. Di dalam Persidangan Mikrokredit Sedunia, kata sepakat telah diambil bahawa "Pengalaman menunjukkan bahawa wanita adalah kelompok yang boleh dipercayai, dan apabila wanita menceburkan diri dalam bidang ekonomi, penggunaan keuntungan akan lebih condong kepada kebajikan keluarga, jika dibandingkan dengan lelaki. Dalam waktu yang sama, dengan mempunyai pendapatan sendiri, secara tidak sengaja ia akan menerima lebih penghormatan di dalam keluarga, masyarakat dan seterusnya dalam negara".

9. Teori bahawa wanita lebih bertanggungjawab di dalam industri mikrokredit ini telah dibuktikan benar oleh seluruh institusi mikrokredit di dunia. Dan tidak dinafikan di negara kita sendiri. Manfaat yang diterima oleh keluarga miskin melalui mikrokredit adalah jelas kelihatan dan yang paling membanggakan saya, setelah lebih 15 tahun Amanah Ikhtiar Malaysia beroperasi, kadar bayaran baliknya tetap di tahap cemerlang iaitu 99%.

10. Jika kita melihat sistem mikrokredit secara luaran, kita akan mendapati sistem ini bukanlah satu penyumbang yang besar kepada pembangunan ekonomi negara. Ini kerana jumlah pinjaman yang diberikan sangatlah kecil. Jika di AIM, maksima bagi pembiayaan pertama hanyalah RM 1,000 dan mungkin ada keluarga miskin yang hanya mengambil pinjaman RM 200 sahaja. Di India pula, mungkin ada yang mengambil pembiayaan hanya sekitar RM 100 atau di Indonesia, pinjaman hanya sekitar RM 30. Jadi, besar manalah perniagaannya jika modalnya kurang daripada RM 100 dan besar manalah perubahan yang dibawa oleh mikrokredit.

11. Dengan pandangan-pandangan sinis itu maka kita kadangkala terlupa bahawa modal yang pada kita kecil itu, adalah amat besar kepada mereka yang memerlukan. Satu contoh kes di India, dengan pinjaman kurang daripada RM 1,000 daripada institusi mikrokredit, seorang wanita miskin telah berjaya melepaskan anak perempuannya dari terus menjadi hamba kepada satu keluarga kaya. Dan ia mungkin hanya satu kisah sedih dari beribu-ribu penderitaan di seluruh dunia.

12. Di negara kita sendiri, ramai sahabat AIM yang dahulunya hidup dengan "kais pagi makan pagi", kini telah menjadi usahawan kecil yang berjaya.

13. Profesor Muhammad Yunus iaitu pengasas mikrokredit yang juga Pengarah Urusan Grameen Bank ada berkata bahawa apa yang penting ialah bukan jumlah wang yang diperolehi, tetapi peluang yang dapat dinikmati. Dengan peluang itu, maka keluarga miskin terutamanya wanita akan dapat melakukan sesuatu untuk meningkatkan taraf kehidupan keluarga mereka, dan seterusnya maruah keluarga.

14. Bagaimana kita melihat mikro Kredit dapat membantu keluarga miskin dan khususnya wanita. Mikro Kredit telah memberi peluang yang sama rata kepada wanita miskin untuk menceburi arus perdana ekonomi masyarakat dan negara. Walaupun secara kecil-kecilan di peringkat awal penglibatan peserta di dalam program ini, namun ciri istimewa mikro Kredit seterusnya ialah peluang mendapat pembiayaan secara berulang kali. Dengan pembiayaan yang berulang kali ini pula akan dapat membantu wanita miskin bukan sahaja meningkatkan pendapatan isirumah, malahan boleh memastikan mereka tidak kembali terjerumus ke dalam putaran ganas kemiskinan kerana aset yang mereka ada dari pembiayaan sebelumnya belum lagi kukuh.

15. Pembiayaan yang berterusan ini boleh disalurkan kepada mereka kerana potensi projek ekonomi yang ditunjukkan oleh peserta program ini. Mikro Kredit mempunyai satu sistem khusus untuk memastikan bahawa kejayaan peserta mereka adalah kejayaan yang tulen, iaitu melalui penyeliaan yang rapi. Perjumpaan setiap minggu di antara peserta dengan pegawai dari institusi mikro Kredit merupakan intipati kepada kejayaan tersebut. Memanglah ia kelihatannya memakan kos yang tinggi, namun itu adalah faktor penting di dalam memastikan keupayaan peserta program ini untuk terus "sustain" dalam projek ekonomi mereka.

16. Keberkesanan program mikro Kredit ini bukan hanya dibuktikan di negara-negara miskin seperti India, Bangladesh, Latin Amerika malahan di negara kita yang mana kadar kemiskinannya tidaklah begitu teruk.

17. Mekanisme yang direkabentuk dengan sistematik dan konsisten, ditambah lagi dengan budaya dan agama yang kita pegang, saya yakin mikro Kredit akan menjadi satu bidang penting dalam agenda pembangunan keluarga miskin. Di dalam Islam, bergiat dalam bidang ekonomi adalah merupakan satu tuntutan. Memiliki harta, menikmati kehidupan yang selesa dan merebut peluang menambah ilmu bukan sahaja dibenarkan malahan kita juga dijanjikan pahala. Islam menggalakkan umatnya bekerja supaya kita tidak hidup dalam kemiskinan. Tuntutan berusaha dan memastikan kehidupan terjamin adalah terletak di bahu setiap manusia tidak kira lelaki mahupun perempuan. Islam menjanjikan pahala kepada sesiapa juga yang berusaha dan bertakwa kepada Allah S.W.T.

18. Dengan memperolehi pendapatan yang terjamin, maka kita juga boleh memastikan kehidupan yang lebih selesa. Di dalam Al Qur'an juga ada menyebut bahawa kita hendaklah memakan makanan yang baik lagi lazat yang dikurniakan kepada kita. Akan tetapi jika kita hidup dalam kemiskinan, bagaimanakah kita hendak memastikan anak-anak kita mendapat makanan yang berzat. Kesihatan yang baik akan menjamin kita dapat mengerjakan perintah Allah S.W.T dalam apa juga keperluan kehidupan termasuklah keperluan ibadah, ekonomi, kemasyarakatan dan sebagainya.

19. Apa juga kaedah yang digunakan asalkan menepati hukum syariah adalah dibolehkan. Begitu juga dengan pendekatan mikro Kredit yang walaupun nampaknya

seolah-olah menggalakkan kita berhutang, tetapi jika dengan berhutang itu kita berupaya menggerakkan ekonomi kita, saya fikir itu adalah satu langkah yang lebih bermaruah berbanding dengan bersikap meminta-minta belas ehsan dari orang lain untuk meneruskan kehidupan.

20. Saya juga berharap mikrokredit akan dijadikan satu disiplin ilmu dalam cabang ilmu ekonomi dan diberikan perhatian yang sewajarnya oleh ahli akademik kita. Dengan ide dan ilmu yang ada di kalangan ahli bijak pandai dalam bidang ekonomi atau pembangunan masyarakat, saya yakin mikrokredit akan terus bersifat dinamik dan berkembang dengan baik. Mikrokredit diharapkan dapat membantu memenuhi ruang-ruang kosong yang tidak dapat dipenuhi oleh lain-lain institusi kewangan. Saya juga berharap mikrokredit akan dapat dibentuk menjadi satu institusi kewangan formal yang unik, yang tidak mengenyakan keperluan keluarga miskin, di masa hadapan.

21. Dengan harapan-harapan ini saya dengan rasminya melancarkan program Pengupayaan Wanita Melalui Mikrokredit : Amanah Ikhtiar Malaysia.